

30 SEP 2000
Petrol-Naik
HARGA PETROL NAIK 10 SEN MULAI ESOK

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Kerajaan hari ini mengumumkan kenaikan harga petrol sebanyak 10 sen seliter atau 9.1 peratus berkuatkuasa esok.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan hari ini, harga diesel turut naik lima sen seliter manakala harga gas petroleum cecair (LPG) naik 10 sen sekilogram.

Harga runcit Petrol Ron 97 (Tanpa Plumbum) di Semenanjung Malaysia meningkat kepada 120 sen seliter, 118 sen seliter di Sabah dan 119 sen seliter bagi Sarawak.

Harga runcit Petrol RON 92 (Berplumbum) pula meningkat kepada 116 sen seliter di seluruh negara.

Bagi diesel, harga runcit meningkat kepada 70.1 sen seliter bagi Semenanjung Malaysia, 70.4 sen seliter di Sabah dan 69.8 sen seliter di Sarawak.

Mengenai harga runcit LPG, ia meningkat kepada 128 sen di Semenanjung Malaysia dan 136 sen bagi Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata bahawa kerajaan tidak mampu lagi untuk terus memberi subsidi memandangkan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa telah meningkat dengan begitu ketara.

Awal minggu ini, harga telah mencecah ke tahap tertinggi dalam tempoh 10 tahun iaitu AS\$34.15 setong (RM130.91) di pasaran London.

Kerajaan telah membelanjakan lebih daripada RM1 bilion ke atas subsidi dan sekiranya harga petrol meningkat ia masih membabitkan subsidi kerajaan tetapi pada kadar yang dikurangkan.

Subsidi petroleum dijangka mencecah RM1.5 bilion tahun ini. Pada tahun 1998 subsidi adalah sebanyak RM499.6 juta dan RM228 juta pada tahun sebelum itu.

Malaysia terus menikmati harga petrol yang kedua paling rendah di rantau ini selepas Indonesia di mana seperti Malaysia, harga bahan itu disubsidi dan dikawal kerajaan.

Di Malaysia, harga petrol dikawal pada RM1.10 sen seliter manakala harga terkawal di Indonesia ialah RM0.47 (1,000 rupiah) seliter.

Dalam perbandingan harga serantau yang disiarkan dalam laman webnya hari ini, Malis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata harga petrol di Singapura adalah yang tertinggi di rantau ini, diikuti oleh Thailand, Filipina, Brunei, Malaysia dan Indonesia.

Menurut perbandingan yang terbaru, petrol di Singapura berharga RM3.29 (S\$1.499) seliter, Thailand RM1.52 (16.79 baht), Filipina RM1.43 (16.49 peso) dan Brunei RM1.16 (B\$0.53).

Oleh yang demikian, sungguhpun harga meningkat, Malaysia masih menikmati harga petroleum yang rendah.

Kemungkinan harga petrol dinaikkan dibayangkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 8 Ogos lalu.

Ketika itu menteri tersebut memberitahu pemberita bahawa harga petrol akan dinaikkan tetapi kerajaan belum lagi memutuskan kadarnya.

Beberapa faktor perlu diambil kira sebelum membuat keputusan mengenai kadar kenaikan agar cadangan itu tidak membebankan para pengguna, katanya.

-- BERNAMA

MOT FR MA AKD